



Siti Hasmah bersama Rashid serta bekas pemain badminton negara selepas melancarkan majlis Juara Tangkis Tun Dr Siti Hasmah di Menara OBYU, Petaling Jaya, semalam.
(Foto Syarafiq Abd Samad / BH)

Siti Hasmah dedah rahsia 27 tahun

Soon Kit-Beng Kiang 'bergaduh' menjelang Piala Thomas 1992

Oleh Helmi Talkah
helmi.talkah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali mendedahkan beliau terpaksa menjadi orang tengah bagi menyelesaikan perselisihan faham membatikan dua pemain beregu lelaki negara, Cheah Soon Kit dan Soo Beng Kiang.

Isteri Perdana Menteri itu berkata, ia antara konflik yang berlaku di sebalik kejayaan Malaysia muncul juara Piala Thomas pada 1992 sekali gus menamatkan kemarau 25 tahun sejak

kali terakhir pasukan negara bergelar juara trofi berprestij itu pada 1967.

"Dua pemain ini, mereka bergaduh antara satu sama lain. Saya terpaksa berjumpa dengan Soon Kit dan mengatakan kepadanya 'Soon Kit, kamu tidak akan mendapat pasangan lain selain daripada Beng Kiang'.

"Selepas itu, saya bertemu pula dengan Beng Kiang dan mengatakan kepadanya, 'Tiada pasangan lain tetapi Soon Kit, jadi kamu perlu bermain bersama.'"

"Mereka akhirnya berpasangan dan membantu Malaysia menjuarai Piala Thomas. Saya menyayangi mereka semua kerana mereka menghormati saya sebagai ibu dan saya tidak akan melupakan detik manis Malaysia muncul juara ketika itu," kata Dr Siti Hasmah ketika berucap pada majlis pelancaran Juara Tangkis

Tun Dr Siti Hasmah, semalam.

Turut hadir, Presiden Persatuan Badminton Malaysia (BAM), Datuk Seri Mohamad Norza Zakaria; Presiden Akademi Badminton Sport Affairs, Raezal Hussein dan Pengarah Program Juara Tangkis, Rashid Sidek.

Pada aksi final Piala Thomas 1992, skuad badminton negara merekodkan gelaran kelima apabila muncul juara dengan menewaskan Indonesia 3-2.

Dalam aksi itu, gandingan Soon Kit-Beng Kiang turut menyumbangkan mata kepada pasukan apabila menewaskan pasangan Ricky Subagja-Rexy Mainaky dalam perlawanan tiga set 15-12, 10-15, 15-8.

Soon Kit yang ditanya pemberita selepas itu mengenai pendedahan dibuat Dr Siti Hasmah secara berseloroh berkata ia adalah cerita lama tetapi mengakui memang berlaku perselisihan

Saya terpaksa berjumpa dengan Soon Kit dan mengatakan kepadanya 'Soon Kit, kamu tidak akan mendapat pasangan lain selain daripada Beng Kiang'.

Dr Siti Hasmah Mohamad Ali
Isteri Perdana Menteri

faham dengan Beng Kiang disebabkan tekanan sebagai pemain.

Dalam pada itu, Dr Siti Hasmah sempat berkongsi nasihat buat pemain muda mengenai resipi bagi mencapai kejayaan dalam sukan badminton.

"Ramai orang bertanya kepada saya apa yang saya lakukan ketika saya menjadi penaung (BAM) dan saya menjawab saya tidak melakukan apa-apa. Aspek teknikal saya serahkan kepada jurulatih serta pemain dan tanggungjawab saya adalah menjadi ibu kepada mereka," kata Dr Siti Hasmah.

BH - 10/10/2019 ml: 84